

19/09/1999

Pemimpin bersedia pastikan Barisan menang

PERGERAKAN Pemuda Barisan Nasional (BN) memberi jaminan sudah bersedia menyumbang tenaga untuk mengulangi kemenangan cemerlang BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Serentak itu, Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda berikrar mempertahankan apa yang dimiliki dan diwarisi dengan bijaksana serta tertib.

"Konvensyen selama empat hari ini yang dihadiri pemimpin Pemuda dari 14 parti komponen berjaya menyatukan iltizam untuk bekerja dalam satu barisan yang kukuh," katanya ketika berucap pada akhir konvensyen itu, di sini semalam.

Pada akhir konvensyen berkenaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan amanat perdana kepada Pemuda untuk membuat persiapan pilihan raya dan melangkah ke alaf baru.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Osu Sukam; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

(END)